

BAB DUA

KHUTBAH JUMAAT MULTIMEDIA

2.1 PENGENALAN

Khutbah Jumaat telah memainkan peranannya sejak disyariatkan pada zaman penurunan wahyu lagi. Rasulullah S.A.W telah memaksimumkan penggunaan dan fungsi khutbah Jumaat, mencakupi pelbagai bidang kehidupan berpandukan petunjuk daripada Allah S.W.T. Khutbah Jumaat merupakan medium komunikasi utama secara verbal⁵⁵ dan saluran penyampaian mesej komunikasi masjid yang boleh dipelbagaikan dengan perkembangan teknologi masa kini. Teknologi adalah sesuatu yang berkembang. Teknologi maklumat merujuk kepada segala unsur teknologi yang ada kaitan dengan proses mengendali informasi yang mengandungi maklumat tentang sesuatu dalam bentuk teks, imej, video dan audio.⁵⁶ Justeru, Islam amat menggalakkan umatnya menggunakan akal fikiran demi menguasai teknologi semaksima mungkin. Oleh demikian, perlu difahami bahawa peranan khutbah menerusi multimedia juga merupakan faktor utama dalam mencorak kehidupan masyarakat Islam yang murni serta usaha-usaha berterusan yang perlu dilakukan agar masyarakat menghayati peranan dan kepentingannya dalam membentuk dan mentajdidkan minda masyarakat Islam pada masa kini.

Khutbah Jumaat juga menjadi asas kekuatan umat Islam dalam usaha mendalami, memahami dan menghayati ajaran Islam. Makna-makna yang terkandung di dalamnya

⁵⁵Komunikasi verbal adalah komunikasi dengan menggunakan simbol-simbol verbal. Simbol verbal bahasa merupakan pencapaian manusia yang paling impresif. Bahasa dapat juga dianggap sebagai sistem kod verbal.

⁵⁶Zulkiple Abd Ghani (2003), *Islam, Komunikasi, Teknologi Maklumat*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor, h. 84.

dapat meresap masuk ke dalam jiwa-jiwa pendengar pada saat mereka menumpukan perhatian kepada Allah dan menerima wasiat-wasiat-Nya.

Menurut Nawawi Duski di dalam buku *Strategi Mengurus Masjid*⁵⁷ beliau memetik kata-kata Iqbal dengan menyatakan bahawa setiap perkataan yang keluar dari hati akan membekas ke dalam hati. Selain itu, khutbah juga sebagai media yang berpengaruh dalam menyampaikan mesej-mesej pembangunan insaniah, duniawi, ukhrawi, pembangunan masyarakat seperti persaudaraan, adab, norma sosial, politik, ekonomi, kepimpinan, komunikasi, pengurusan dan digunakan untuk menyampaikan penerangan, menegakkan fahaman dan menyebarkan pengaruh Islam ke dalam masyarakat.⁵⁸

Di samping itu juga, institusi masjid merupakan satu platform atau nadi kepada sesebuah masyarakat Islam dalam melaksanakan ibadah dan memartabatkan kedudukannya yang mulia di sisi Allah. Secara konsepnya masjid ialah suatu binaan yang dikhususkan kepada orang Islam bagi melaksanakan ibadah yang tertentu atau lain-lain kegiatan yang dibenarkan oleh agama, tertakluk kepada hukum, peraturan dan adab-adab yang telah diterapkan. Justeru, masjid bukanlah sebuah binaan yang terbiar kosong dan tersisih daripada arus perdana masyarakat. Keadaan ini sekaligus menjadikan institusi masjid sebagai nadi pembangunan masyarakat Islam duniawi dan ukhrawi.⁵⁹

57 Nor Raudhah Hj Siren & Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2006), *Strategi Mengurus Masjid*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 171.

58 Mohd Faizal Bin Mat Nasan (2002), "Isu-Isu Hukum Dalam Khutbah Jumaat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Satu Kajian Dari Tahun 1995-2000", Universiti Malaya Kuala Lumpur.

59 Hj Abdullah Bin Mat dan Muhyidin Bin Hj Aziz (2003), *Konsep dan Falsafah Masjid*, Selangor: Intel Multimedia and Publication, h. 2-3.

2.2 TEORI DAN KONSEP KHUTBAH JUMAAT

2.2.1 Teori dan Model Khutbah Jumaat

Penyampaian khutbah Jumaat melibatkan perhubungan, komunikasi dan interaksi antara individu dengan individu yang lain. Komunikasi berasal dari perkataan Yunani '*communicare*' yang bermaksud menjadikan sesuatu milik bersama.⁶⁰

Seseorang yang berkomunikasi adalah individu yang menyampaikan mesej kepada pendengar dengan merangkumkan perkara-perkara seperti maklumat, pengetahuan, kemahiran, sikap dan kepercayaan.⁶¹ Komunikasi juga membabitkan perlakuan yang berbentuk pertuturan, penulisan dan penyelidikan. Selain itu, komunikasi adalah proses yang bermula apabila satu mesej (maklumat) daripada pengirim dipindahkan menerusi suatu alat saluran khas kepada penerima yang kemudiannya memberi maklum balas terhadap mesej tersebut.⁶² Komunikasi juga adalah situasi di mana sumber memancarkan mesej kepada penerima dengan secara sedar bertujuan mempengaruhi perlakuan penerima dan memberi gambaran bahawa setiap proses komunikasi perlu mempunyai tujuan atau niat secara sedar oleh sumber.⁶³

2.2.1 (a) Model Teknik Pengucapan Awam

Antara model teknik pengucapan awam yang terpilih dan sistematik dalam pengucapan khutbah Jumaat adalah seperti berikut:

⁶⁰ Saodah Wok, Narimah Ismail, Mohd, Yusof Hussain (2005), *Teori- Teori Komunikasi*, Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn, Bhd, h. 10.

⁶¹ *Ibid*, h. 215.

⁶² Kamarudin Hj Husin (2003), *Kemahiran Berfikir dan Berkomunikasi*, Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, h. 188.

⁶³ Gaurav Bhatnagar, Shikha Mehta, Sugata Mitra (2001), *Introduction To Multimedia Systems*, United States of America: Academic Press, h.3.

i. Model SMRC (Horald D Lasswell), dan Model SPEAK (Dennis L Wilcdx)

Terdapat sebuah teori dan model proses komunikasi yang dikembangkan oleh David Berlo⁶⁴ dan Harold D. Lasswell yang kemudian dikenal sebagai *Model Laswell* atau lebih dikenali dengan singkatan SMRCE yang menyenaraikan lima unsur utama dalam komunikasi. Di antara berikut ialah:

S = *Source*, iaitu sumber. Ia adalah tempat bermulanya proses komunikasi. Sumber melibatkan individu, kumpulan ataupun sesiapa sahaja yang memulakan komunikasi dengan menghasilkan mesej. Yakni sumber yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah khatib.

M = *Message*, iaitu mesej. Ia adalah idea dan perasaan yang ingin dikongsi bersama di antara sumber dan penerima. Ini bermaksud isi kandungan khutbah Jumaat yang disampaikan oleh khatib akan dikongsi bersama para jemaah. Mesej juga boleh dipengaruhi oleh gangguan bunyi yang tidak diperlukan atau dipengaruhi oleh interpretasi yang pelbagai. Untuk mengatasinya mesej yang disampaikan perlulah dikawal dengan sempurna.⁶⁵

R = *Receiver* iaitu penerima termasuklah individu, kumpulan ataupun orang ramai yang merupakan sasaran mesej. Penerima yang dimaksudkan adalah para jemaah yang merupakan sasaran dalam penyampaian khutbah Jumaat.

C = *Channel* iaitu saluran jalan yang dilalui oleh mesej untuk sampai daripada sumber kepada penerima. Penggunaan saluran dalam pengucapan awam atau

⁶⁴ Model David Berlo: Seorang ahli komunikasi dari Amerika Syarikat yang bernama David Berlo yang terkenal dengan teorinya SMCR Berlo yang mengembangkan model komunikasi yang dinamik. SCMR (S = (Source), M = (Message), C = (Channel), R = (Receiver). Lihat David K. Berlo (1960), *The Process of Communication: An Introduction to Theory and Practices*, New York: Holt, Rinehart and Winston, h.47.

⁶⁵ Kamarudin Haji Husin (2003), *Kemahiran Berfikir dan Berkomunikasi*, Selangor: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd, h. 189.

pengucapan khutbah terbentuk melalui dua saluran iaitu melalui bunyi atau suara pendengaran dan pancaindera penglihatan. Sebagai contoh seperti tayangan persembahan multimedia, imej, pakaian, mimik muka, pertembungan mata dan lain-lain pergerakan badan.⁶⁶ Suara adalah saluran emosi yang agak berkesan dengan syarat ia dapat menggambarkan perasaan yang dilahirkan bersamanya. Ia juga boleh digunakan untuk mengawal minat dan konsentrasi khalayak. Begitu juga dengan penggunaan pancaindera penglihatan tanpa suara, ia boleh membantu pengucap dalam persembahan, dan khalayak dalam penerimaannya.

E = Effect, iaitu kesan pengaruh yang ditimbulkan. Ia bermula dari maklum balas khalayak terhadap mesej pengucap sama ada difahami, didengari, dilihat atau diterima faham melalui respon dari khalayak.

Unsur-unsur tambahan termasuklah maklum balas, gangguan, kesan dan persekitaran di dalam pengucapan awam.⁶⁷

- i. **Maklum balas** ialah respons daripada penerima (jemaah) terhadap sumber (khatib).
- ii. **Gangguan** ialah segala perkara yang menghalang komunikasi yang berkesan. Gangguan terdiri daripada gangguan dalaman, luaran dan semantik. Sebagai contoh, situasi gangguan dalaman ketika mendengar khutbah Jumaat adalah disebabkan oleh perkara-perkara seperti berkhayal dan memikirkan perkara lain ketika sesi penyampaian khutbah Jumaat berlangsung. Ia juga adalah gangguan psikologi. Gangguan luaran ialah seperti bunyi bising, keadaan cuaca panas, yang kurang

⁶⁶ Rudolph F. Verderber (1985), *The Challenger of Effective Speaking*, United States of America: California, h. 7

⁶⁷ Saodah Wok, Narimah Ismail, Mohd, Yusof Hussain (2005), *op.cit.*, h. 11-12.

menyelesaikan akan menghalang pendengar memberi fokus terhadap apa yang disampaikan dan dipersembahkan. Gangguan semantik ialah reaksi perasaan dan emosi penerima seperti merasa jemu, bosan dan mengantuk.

- iii. **Kesan** pula ialah hasil komunikasi iaitu hasil penyampaian khutbah Jumaat yang diperolehi oleh para jemaah. Keberkesanan ini boleh dilihat melalui pertambahan ilmu pengetahuan, perubahan sikap dan perlakuan hasil daripada komunikasi tersebut.
- iv. **Persekitaran** ialah tempat ataupun situasi di mana komunikasi itu berlaku dan ia mempengaruhi proses penyampaian komunikasi tersebut. Dalam konteks kajian ini penyampaian komunikasi yang difokuskan adalah khutbah Jumaat. Persekitarannya adalah di lokasi masjid-masjid dan surau-surau yang diiktiraf boleh menunaikan solat Jumaat.

ii. Model SPEAK (Dennis L Wilcdx)⁶⁸

S = Smile, iaitu memberi reaksi senyuman dalam erti kata menyampaikan ucapan dengan wajah senyuman meliputi mimik muka, minat serta keinginan untuk berucap. Dalam konteks penyampaian khutbah Jumaat, senyuman bermaksud keseriusan, kebenaran, minat dan penuh keyakinan sehingga ia tidak boleh dijadikan bahan ketawa sebaliknya memberi kesedaran, keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T.

P = Posture, iaitu ucapan bergaya melalui bahasa lisan dan badan. Dalam konteks khutbah Jumaat, gaya bahasa badan adalah bersesuaian, iaitu tegak dan lurus menghala ke arah

⁶⁸ Dennis L. Wilcdx (2001), *Public Relations, Writing And Media Technique*, 4th Edition, New York: Longman, h.462.

para jemaah, tidak bergoyang, tidak berjalan-jalan, tidak menghentak tongkat, tidak mengangkat tangan dan sebagainya.

E = Eye Contact, iaitu ada hubungan yang baik dengan melihat dan menumpukan perhatian kepada semua khalayak semasa berucap sesuai dengan sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud, “Rasulullah S.A.W apabila ia berdiri di atas mimbar, beliau mengadap mukanya ke arah sahabat-sahabatnya.”⁶⁹

A = Animation, iaitu ucapan yang hidup melalui pergerakan dan rangsangan.

K = Kinetics, iaitu berkaitan dengan gerakan gaya yang tersendiri.

2.2.2 Definisi Khutbah

Istilah khutbah berasal daripada bahasa Arab. Kata dasarnya ialah *خطبة يخطب, خطب* yang bermaksud percakapan yang dituturkan oleh khatib. Perkataan khutbah menurut Ibn Manzur difokuskan kepada percakapan yang memberi semangat dan perangsang untuk melakukan sesuatu.⁷⁰ Maksud lain bagi istilah khutbah ialah percakapan yang ditujukan kepada orang ramai dan mukadimah ataupun pendahuluan yang dibicarakan.⁷¹

Selain itu, bagi Ali Mahfuz⁷² istilah khutbah ialah himpunan undang-undang dan peraturan yang mampu meyakini pendengar dalam sebarang topik yang dikehendaki berdasarkan kesahihan mesej yang disampaikan sehingga membolehkan mesej itu dipilih

⁶⁹ Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Bab Ma Ja fi Istiqbal al-Imam Wahuwa Yakhtub, no hadith 1126.

⁷⁰ Ibn Manzur (1990), *Lisan al-'Arab*, j.1 Beirut: Dar al-Fikr, h.361.

⁷¹ Ahmad al-'Ayad et.al. (t.t), *Al- Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, t.t.p: Al- Munazzamah al-'Arabiah li al-Tarbiyah wa al-'Ulum, h. 404.

⁷² As- Syeikh Ali Mahfuz (1975), *Hidayah al-Mursyidin Ila Turuq al-Wa'zi wal- Khitabah*, c.7. Mesir: Dar Mesr, h. 521, 'Ali Mahfuz (1984), *Fan al-Khitabah wa 'Idad al- Khatib*, Qaherah: Dar al-Nasr, h. 13.

sama ada untuk diikuti atau tidak. Khutbah juga merupakan bidang pidato kepada orang ramai dengan jalan penyampaian langsung kepada pendengar. Ia juga mengandungi pandangan dan buah fikiran yang meyakinkan, menarik dan mempunyai pengajaran. Keterampilan khutbah Jumaat diperlukan dalam usaha keberkesanan khutbah bagi tujuan membimbing manusia ke jalan kebenaran.

Menurut al-Aluri, khutbah merupakan satu saluran dakwah yang merupakan suatu inisiatif untuk membawa manusia kepada agama Allah S.W.T serta mengarahkan pemikiran dan pandangan mereka kepada pemikiran dan pandangan berteraskan akidah Islamiyah.

Khutbah Jumaat juga berfungsi sebagai indoktrinasi rutin dan saluran yang mustahak dalam penyampaian maklumat kepada masyarakat. Oleh itu, khutbah merupakan salah satu cabang komunikasi dakwah yang bukan semata-mata bersifat informatif tetapi perlu memastikan mesej yang disampaikan itu membawa perubahan kepada khalayak seperti yang diinginkan oleh Islam. Hal ini disokong oleh Ab. Aziz Mohd Zin yang menghuraikan kenyataan Zain al-Abidin al-Rikabi. Beliau mengatakan bahawa:

“menyampaikan isi dakwah kepada sasaran dengan terang dan jelas merupakan sebahagian daripada syarat penyampaian. Ini kerana Islam itu hendaklah disampaikan dengan cara secantik-cantik dan sejelas-jelasnya. Tidak boleh dikemukakan sesuatu yang berharga dan bererti (Islam) itu dalam bentuk yang menghina dan cacat. Tidak boleh dipersembahkan sesuatu yang agung (Islam) itu dalam bentuk yang boleh menghilangkan keagungannya. Dengan itu, penyesuaian masa dan tempat merupakan suatu perkara yang penting untuk menentukan cara penyampaian yang baik.”⁷³

⁷³ Ab. Aziz Mohd Zin (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h.4.

Jika dilihat dari kefahaman masyarakat Melayu terhadap khutbah, terdapat unsur-unsur 'kesucian' pada khutbah di mana mesej yang dikemukakan dianggap mempunyai nilai yang tinggi untuk diterima pakai dalam kehidupan. Melalui kondusi ini, khatib merupakan wadah utama dalam menentukan mesej yang disampaikan dapat meninggalkan kesan di hati para jemaah jauh lebih mudah berbanding dengan pemedato di atas pentas-pentas lain. Hubungan di antara khatib dan pendengar juga sedia terjalin melalui penghormatan yang diwujudkan atas rasa keketuaan dalam bidang keagamaan.

Dr. Ibrahim Madjur pula berpendapat bahawa khutbah merupakan ucapan kata-kata yang baik yang disampaikan oleh seseorang dengan lidah yang fasih untuk sekumpulan manusia supaya mereka dapat menerimanya.⁷⁴

Manakala menurut Edward Lane, beliau berpendapat bahawa khutbah memberi erti sebagai ucapan yang disampaikan di atas mimbar kepada orang ramai dengan kata-kata '*An exhortation or admonition on recited by a khatib, a forms of words a discourse, a sermon, a speech, an oration, an a harangue which the khatib recites on the pulpit*'.⁷⁵

2.2.3 Khutbah Pada Zaman Jahiliyah dan Islam

Khutbah sudah dikenali oleh masyarakat sebelum kedatangan Islam lagi. Ia digunakan oleh masyarakat jahiliyah untuk menyampaikan arahan dan pandangan mereka kepada

⁷⁴ Ibrahim Madjur (1992), *Qamus al-Mu'jam al-Wajiz*, Tunis: Dar al-Shabah, h.202.

⁷⁵ Edward Willian Lane (1968), *Arabic English Lecixon*, j.10, Beirut, h.76.

masyarakat umum dalam dua suasana, iaitu suasana aman dan suasana perang.⁷⁶ Pada zaman jahiliyah, khutbah adalah meliputi segala jenis ucapan atau pidato yang mencangkupi segala bidang kehidupan seharian, termasuk hal-hal mengenai politik, perang dan damai, kemasyarakatan dan kebudayaan.⁷⁷

Khutbah pada zaman ini tidak terbatas kepada soal-soal agama sahaja, tetapi berkaitan juga persoalan-persoalan kehidupan seharian. Persoalan ini lebih tertumpu kepada hal keadaan persekitaran, pergaduhan, peperangan dan perdamaian yang kerap terjadi di dalam hubungan anggota masyarakat mereka yang hidup dalam keadaan berkabilah dan berpuak-puak⁷⁸. Khutbah juga dikemukakan oleh para utusan yang ditugaskan untuk mengadap raja-raja, membicarakan hubungan dengan kabilah-kabilah pada zaman tersebut.⁷⁹

Kenyataan dan bahan-bahan khutbah yang begitu banyak adalah berhubungkait mengenai nas-nas khutbah, nama-nama ahli pidato, jenis khutbah dan kenyataan sejarah yang terdapat di dalam isi kandungan pelbagai kitab sejarah, hadis dan sastera terkenal. sumber-sumber rujukan ilmiah yang utama sepertimana yang disebutkan diakui sebagai bukti wujudnya khutbah-khutbah sejak zaman jahiliyah lagi.⁸⁰

Di sini jelas menunjukkan bahawa khutbah Jumaat merupakan satu mekanisme perhubungan komunikasi terpenting kepada masyarakat pada zaman jahiliyah. Ini adalah kerana kebanyakan daripada golongan mereka buta huruf dan segala urusan dan hubungan kemasyarakatan adalah bergantung sepenuhnya kepada lisan dan pertuturan.

⁷⁶ 'Umar al-Qatiti (1990), *Khutbah Rasulullah S.A.W*, Tunis: Mua'ssah 'Abd Karim bin Abdullah, h. 9.

⁷⁷ Ehsan al-Nas (t.t), *al-Khitabah al-'Arabiyyah Fi 'Asriha al-Dhahabs*, t.t.p, h. 9.

⁷⁸ Abdul Wahab Bin Ahmad (1983), *op.cit.*, h. 22.

⁷⁹ Muhammad Nashiruddin (2002), *Perbahasan Mengenai Khutbah Jumaat*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, h.35.

⁸⁰ Muhammad Tahir Darwish (1968), *al- Khitabah Fi Sadr al-Islam*, j.1, Kaherah, h.117.

Manakala khutbah pada zaman Islam merupakan satu alat penyebaran dakwah Islamiyah. Sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah al-‘Araf:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: “Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka mendengarnya, supaya kamu beroleh rahmat”.

Surah al-A’raf (7): 204

Berdasarkan surah al-A’raf ayat 204 yang ditafsirkan oleh sebahagian mufassirin menjelaskan bahawa ayat ini diturunkan bersempena dengan kaitan urusan khutbah. Oleh itu, khutbah Jumaat telah difardhukan pada tahun pertama Hijriah di Madinah.

Rasulullah S.A.W sentiasa menyampaikan khutbahnya dalam keadaan penuh khusyuk dan bersemangat. Melalui penyampaian baginda, bukan sahaja dapat menaikkan semangat para pendengar bahkan dapat melahirkan rasa keinsafan kepada mereka di atas kebenaran yang diucapkan. Khutbah baginda kebanyakannya akan menyentuh mengenai persoalan ekonomi, politik, sosial dan sebagainya. Di samping itu, ia juga mempunyai hubungan dengan kehidupan dunia dan akhirat.⁸¹

⁸¹ Norrodzoh @ Nor Raudah Bt Siren (2002), *Retorik Pengucapan Khutbah Jumaat Di Surau Akademi Pengajian Islam, Seminar Pembangunan Masjid (28 Dis 2002: Universiti Malaya (APIUM), Paper 8 (19p) h.3.*

2.3 SEJARAH PELAKSANAAN KHUTBAH JUMAAT

2.3.1 Pelaksanaan dan ciri-ciri khutbah pada zaman Rasulullah S.A.W

Pelaksanaan khutbah pada zaman Nabi Muhammad S.A.W dilakukan ketika Rasulullah diutus menjadi rasul. Khutbah yang disampaikan adalah bersumberkan wahyu yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan manusia. Apabila Islam mula berkembang, khutbah dijadikan sebagai satu wadah yang penting dalam memperluaskan lagi empayar Islam pada zaman Rasulullah S.A.W, para sahabat, *tabi'in* dan sehingga sekarang.⁸² Khutbah juga digunakan untuk menyampaikan wahyu-wahyu yang telah diturunkan kepada baginda. Segala nasihat, peringatan dan juga amanat baginda banyak disampaikan melalui khutbah.

Selain itu, pada zaman baginda khutbah merupakan satu wasilah yang digunakan oleh baginda dalam memberitahu sesuatu perkara atau perihal kepada umat Islam pada zaman tersebut. Baginda banyak menggunakan khutbah untuk kepentingan agama. Justeru, perkara sebegini perlulah dicontohi oleh umat Islam yang lain kerana melalui cara ini ia dapat menyampaikan sesuatu berita dan juga peringatan kepada orang ramai dalam satu masa. Khutbah secara umumnya ialah seni percakapan yang merupakan sebahagian daripada sifat-sifat *tabi'e* manusia. Setakat ini pengkaji tidak dapat memastikan secara tepat sejarah kemunculannya. Walaubagaimanapun, ia sudah pun digunakan oleh masyarakat semenjak kelahiran manusia yang bermasyarakat dan mengenali bahasa.

Masyarakat Arab jahiliyah juga tidak mempunyai kesusasteraan bertulis, mereka mempunyai bahasa yang terkenal dengan perbendaharaan kata yang luar biasa karyanya. Meskipun mereka tiada kepakaran dalam seni lukisan dan ukiran, namun mereka telah

⁸² Mohd. Faizal bin Mat Nasan (2002), *op.cit.*, h. 12.

memperkembangkan bahasa mereka sebagai salah satu cabang seni halus dan berbangga dengan kuasa penampilan yang begitu hebat. Oleh kerana itu, para penyajak dan ahli pidato khususnya telah menggunakan sumber ajaib itu dengan indah dan berkesan di kalangan mereka.⁸³

2.3.2 Sifat-Sifat Khutbah Rasulullah S.A.W

Cara kedudukan Rasulullah mengucapkan khutbah ada ketikanya baginda di atas mimbar, di atas unta, berdiri di atas tanah, bersandar di pokok-pokok kurma dan sebagainya. Ketika baginda sedang berkhutbah, kelihatan matanya merah, suaranya keras dan lantang, laksana seorang yang sedang memimpin pasukan di medan perang.

Daripada Jabir R.A:

()

Maksudnya: Adalah Rasulullah S.A.W apabila berkhutbah kelihatan matanya merah, suaranya keras dan lantang laksana seorang yang sedang memimpin pasukan di medan perang....⁸⁴

2.3.2.1 Memberi Salam Setelah Menaiki Mimbar dan Melaungkan Azan Setelah Duduk Di Atasnya⁸⁵

Setiap kali Rasulullah S.A.W menaiki mimbar, baginda akan menghadapkan wajahnya kepada hadirin lalu memberi salam. Salam tersebut hendaklah dijawab oleh para hadirin.

⁸³ Inayatullah, *Pemikiran Arab Pra Islam* (1994), Disunting oleh M.M Shariff, *Sejarah Islam Dari Segi Falsafah*, j.1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 119.

⁸⁴ Imam Abu Hussain Muslim b. al-Hajjaj, *Sahih Muslim* (1978), j.2, Lubnan: Darul al-Fikri, h. 7.

⁸⁵ Abu Abdul Rahman An-Nairusiy (t.t), *Pedoman Fardhu Ain*, j.2, Kuala Lumpur: Majujaya Indah Sdn.Bhd. h. 503.

Jabir R.A telah menceritakan:

()

Maksudnya: “*Sesungguhnya Rasulullah S.A.W memberi ucapan salam setelah menaiki mimbar*”.⁸⁶

Seterusnya setelah baginda duduk di atas mimbar, barulah ketika itu bilal melaungkan azan.

2.3.2.2 Berdiri Semasa Menyampaikan Dua Khutbah dan Duduk Di Antara

Keduanya

()

Maksudnya: “*Dari Jabir Bin Samrah: Bahawasanya Rasulullah S.A.W menyampaikan khutbah sambil berdiri dan kemudian baginda duduk. Kemudian berdiri lagi sebagaimana kamu lakukan sekarang,*

Barangsiapa memberitahu kamu bahawa Nabi S.A.W menyampaikan khutbah sambil duduk, maka ia telah berkata bohong. Demi Allah, aku solat bersama baginda lebih dari 2,000 kali solat”.⁸⁷

Kemudian dari Jabir bin Samrah berkata:

()

⁸⁶ Hadis Riwayat Ibnu Majah.

⁸⁷ Hadis Muslim dan Nasai'e (1993), Bab, “*al-Khutbah Qaieman*”, no hadith 1052, j.2, Riyadh: Darussalam, h.38.

Maksudnya: *Rasulullah S.A.W, berkhotbah sambil berdiri dan beliau duduk di antara dua khutbah, membaca ayat-ayat al-Quran dan memberi nasihat kepada manusia.*⁸⁸

Oleh itu, berdasarkan kepada kedua-dua hadis di atas jelas menunjukkan bahawa sebagai seorang khatib perlulah berdiri ketika menyampaikan khutbah. Khutbah yang disampaikan perlulah penuh bersemangat dan bersuara lantang, serta menghadap kepada hadirin. Tujuan khutbah Jumaat adalah untuk memberi peringatan dan saling nasihat menasihati agar hadirin yang mendengarnya dapat memberi perhatian sepenuhnya ketika khutbah Jumaat berlangsung. Sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W:

Maksudnya: *Dari Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda: “Apabila kamu berkata: “Diamlah!, sedangkan imam sedang berkhotbah, maka kamu telah benar-benar telah berkata yang tidak bagus”.*⁸⁹

Hadis di atas menunjukkan bahawa Rasulullah S.A.W amat mementingkan para jemaah untuk mendengar khutbah Jumaat kerana ia juga merupakan salah satu syarat sah solat Jumaat. Oleh itu, para jemaah seharusnya berdiam diri dan mendengar dengan penuh penghayatan apa yang telah disampaikan oleh khatib.⁹⁰

⁸⁸ Imam Abu Hussain Muslim b. al-Hajjaj, Sahih Muslim (1995), “*Kitab al-Jum’ah, Bab, “Zikru al-Khutbatayn Qabla as-Solah Wa Ma Fi Hima Min al-Jilsah”*” no hadith 862. Riyadh: Darussalam, h. 812; Muhammad b. Yazid Abu ‘ Abd Allah al- Qazwayni (t.t), Sunan Ibn Majah, Muhammad Fua’d ‘ Abd al- Baqi, Beirut: Dar al- Fikr, *Kitab al- Juma’ah, Bab Ma Jaa fi al-khutbah Yaum al- Jum’ah*, no. hadith 1106, j.1, h. 351.

⁸⁹ Hadis Muslim, Nasai’e dan Ibnu Majah (1993), Bab, “*al-Kalam Wa al-Imam Yakhtub*”, no hadith 1070, j.2, Riyadh: Darussalam, h.51.

⁹⁰ Prof Dr. T.M Hasbi Ash-Shiddieqy (1995), *Siri Bimbingan Solat (1), Hukum dan Tuntutan Solat*, Selangor: Thinker’s Library, h. 16.

2.3.2.3 Berbicara Dengan Lancar, Teratur, Fasih dan Mudah Difahami Oleh Pendengar Serta Singkat Masa Yang Diambil

Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dan Ahmad, Rasulullah S.A.W berpesan ketika menyampaikan khutbah perlulah memendekkan khutbahnya dan memanjangkan solatnya.:

Maksudnya: “Sesungguhnya panjang solat seseorang lelaki dan ringkas khutbahnya itu merupakan petanda kecerdasan dan kefahaman dalam syarak. Kerana itu panjanglah solat dan pendekkanlah khutbah”.⁹¹

Kemudian di dalam hadis lain dipesankan juga:

Maksudnya: “Berpanjanglah solat kalian, dan perpendekkanlah khutbahnya: sesungguhnya di antara sebahagian penjelasan itu benar-benar terkandung sihir (daya pikat yang memukau)”.⁹²

Keterangan dari hadis-hadis di atas menunjukkan bahawa khutbah yang dianjurkan oleh Nabi S.A.W adalah dengan memendekkan khutbah. Manakala segala maklumat dan pesanan yang terkandung di dalamnya perlu ringkas dan padat dengan ilmu yang bermanfaat serta boleh difahami oleh semua para jemaah.

⁹¹ Sahih Muslim (2009), “Kitab al-Jum’ah”, Bab, “Takhfifu as-Solah Wa al-Khutbah”, no hadith 869, Riyadh: Darussalam, h. 813.

⁹² *Ibid*, h. 813.

2.4 PERANAN KHUTBAH JUMAAT

Khutbah terutamanya khutbah Jumaat mempunyai potensi besar bagi membentuk agenda tertentu untuk meningkatkan taraf kehidupan umat Islam ke arah kecemerlangan dalam merangsang dan memupuk pembangunan sahsiah dan pemikiran kritis dan positif. Impak peranan yang dimainkan bergantung kepada keberkesanan penyampaian dan penerimaan jemaah. Ini kerana, khutbah Jumaat merupakan asas tindakan mingguan bagi setiap individu muslim dalam masyarakat umpamanya bermula dengan menanam minat untuk memahami isu berfikir, berbahas, membuat keputusan dan seterusnya melakukan perubahan sikap sama ada kepada diri atau keluarga selari dengan kehendak isi khutbah.⁹³

Antara peranan yang boleh digerakkan melalui saluran khutbah adalah dengan memberitahu fakta atau ajaran kepada mereka yang jahil iaitu dengan memberi peringatan kepada orang yang lupa dan yang lalai dalam melakukan perintah dan suruhan agama. Selain itu, sebagai individu muslim khutbah Jumaat juga berperanan dalam mendidik diri ke arah yang lebih bermakna melalui pemahaman dan penghayatan tentang ajaran Islam yang disampaikan oleh para khatib. Khutbah juga merupakan suatu media dakwah yang sangat berkesan di dalam menguatkan persefahaman di kalangan masyarakat Islam seperti yang telah dinyatakan oleh Shafie Hussain:

“Khutbah adalah merupakan kalimah mingguan yang disampaikan kepada para jemaah Muslimin pada setiap hari Jumaat untuk diperdengarkan kepada mereka di dalam memberi pembaharuan kepada umat Islam dari

⁹³ Prof Madya Dr Hj Mohd Fadhilah Kamsah (1991), “Membudayakan Kecemerlangan Dalam Penyampaian Khutbah: Satu Kajian Kes Di Negeri Pahang Darul Makmur” (Seminar Penyelidikan Komunikasi, Bangi 3-4 September 1991), h. 37.

segi keazaman, kekuatan iman dan mewujudkan tali ikatan yang erat di kalangan masyarakat Islam”⁹⁴

Oleh demikian, khutbah Jumaat juga sepatutnya menjadi satu platform informasi bagi kaum lelaki kerana ia menyediakan kepada mereka maklumat-maklumat penting dalam menghadapi ancaman yang sentiasa menggugat survival ummah Islam. Mesej khutbah yang dikemukakan dianggap mempunyai nilai yang tinggi untuk diterima pakai dalam kehidupan. Rasulullah S.A.W menegaskan bahawa motif utama khutbah ialah memberi peringatan seperti dalam sabdanya yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi (1980: 218). Maksudnya: “*Sesungguhnya aku menyatakan sebenarnya khutbah itu adalah satu peringatan*”. Hadis di atas dikukuhkan lagi dengan ayat 110 dari surah Ali- Imran yang menyatakan bahawa khutbah Jumaat turut berperanan sebagai platform dakwah yang diamanahkan oleh Allah untuk menegakkan yang makruf dan melarang semua bentuk kemungkar. Terdapat banyak hikmah disyariatkan solat dan khutbah Jumaat, antaranya ialah untuk mengumpul umat Islam dalam menegak dan menghidupkan kalimah Islam di samping dapat melahirkan rasa kasih sayang dan hormat-menghormati seterusnya dapat mempelajari ilmu khutbah Jumaat yang diadakan pada setiap minggu sebagai forum mingguan yang cemerlang.⁹⁵

Justeru, jelas menunjukkan bahawa institusi khutbah Jumaat memainkan peranan besar dalam menjana kehidupan masyarakat Islam yang berkualiti di dunia dan di akhirat selari dengan ajaran agama Allah S.W.T.⁹⁶

⁹⁴ Najmi Ahmad (1997), *Khutbah Sebagai Wasilah Pembangunan*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND), h.61.

⁹⁵ Mohamad Zain b. Dollah, *Retorik Pengucapan Khutbah Jumaat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* (2009), Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya, h. 144.

⁹⁶ Zulkiple Abd Ghani (2001), *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*, Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h.48-49.

2.5 Hukum dan Jenis-Jenis Khutbah Jumaat

Jumhur ulama berpendapat bahawa khutbah Jumaat itu wajib hukumnya dan menjadi syarat sah bagi solat Jumaat iaitu tidak akan sah solat Jumaat jika tanpa dua kali khutbah sebelumnya. Mereka berpegang kepada beberapa hadis sahih yang menyatakan bahawa Nabi S.A.W setiap kali mengerjakan solat Jumaat mendahulukan dengan solat tersebut.

Dari Jabir bin Samurah r.a berkata:

رسول الله صلى الله عليه وسلم كان يخطب يوم الجمعة قبل الصلاة، فجلس في خطبته الأولى، ثم قام فخطب قائماً، ثم جلس في خطبته الثانية.

Maksudnya: “*Sesungguhnya Nabi S.A.W berkhotbah dua kali dan duduk di antara keduanya. Dan beliau berkhotbah sambil berdiri.*”⁹⁷

Dalam riwayat lain disebutkan:

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يخطب يوم الجمعة قبل الصلاة، فجلس في خطبته الأولى، ثم قام فخطب قائماً، ثم جلس في خطبته الثانية.

Maksudnya: *Dari Ibnu Umar R.A dia berkata: “Nabi S.A.W biasa berkhotbah dua kali. Biasanya beliau duduk apabila telah menaiki mimbar sampai selesai muazzin. Kemudian berdiri berkhotbah. Setelah itu beliau duduk tidak berbicara. Lalu berdiri lagi berkhotbah”.*⁹⁸

⁹⁷ Sahih Muslim (1996), “*Kitab al-Jum’ah, Bab, “Zikru al-Khutbatayn Qabla as-Solah Wa Ma Fi hima Min al-Jilsah”*”, no hadith 862. Riyadh: Darussalam, h. 812.

⁹⁸ Tarjamah Sunan Abi Daud (1993), *Bab, “Fi Qu’udi Baina al-Khutbatayn”*, no hadith 1092. j.2, h.65; al-Nasa’i (1986), *Kitab al-Juma’ah, Bab al- Fasl Bayn al- Khutbatayn bi al- Julus*, no. hadith 1416, j.3, h. 109; Muhammad b. Ishaq b. Khuzaymah Abu Bakar al-Salami (1970), *Sahih Ibn Khuzaymah*, Beirut: al- Maktab al-Islami, *Kitab Salah al- ‘Aydayn, Bab Adab al-Khuttab fi al-‘Aydayn wa al-fasl Bayn al- Khutbatayn bi al- Julus*, no. hadith 1446, j.2, h. 349.

Kedua-dua hadis di atas memberi peringatan kepada kita bahawa Nabi S.A.W berkhutbah dua kali sambil berdiri dan duduk antara dua khutbah itu. Islam memerintahkan agar kita melakukan solat dengan mencontohi sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi S.A.W. Ibn Qudamah juga menyatakan bahawa: “Khutbah merupakan salah satu syarat solat Jumaat dan solat Jumaat tidak akan sah tanpa khutbah”.⁹⁹ Perkara itu dinyatakan oleh Atha’, Nakha’i, Qatadah, Tsauri, Shafie, Ishaq, Abu Tsaur dan Ashab ar-Ra’i. Ini berdasarkan pada pelbagai laporan yang mengatakan bahawa solat Jumaat itu dipendekkan dari empat rakaat menjadi dua rakaat dan bacaan khutbah menggantikan dua rakaat tersebut.

Menurut Albani dan Syaukani, mereka menyatakan bahawa solat Jumaat adalah wajib. Dalil untuk pendapat-pendapat tersebut adalah:

1) Allah S.W.T mengatakan di dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ
فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ
تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu) yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya)¹⁰⁰”

Surah al-Jumu’ah (62): 9

⁹⁹ Abdul Aziz Ismail (2008), *Huraian Menurut Al-Quran dan Hadis*, Selangor: Progressive Publishing House Sdn.Bhd, h.82.

¹⁰⁰ Ahmad Muhammad Yusuf (2008), *Himpunan Dalil Dalam Al-Quran dan Hadits*, j.3, c.2, Jakarta: PT. Media Suara Agung, h. 179.

Berdasarkan kejadian yang berkaitan dengan ayat tersebut, jelas menunjukkan bahawa perkara yang dimaksudkan dengan mengingati Allah adalah melalui penyampaian khutbah itu sendiri. Maka, Allah S.W.T memerintahkan kaum yang beriman untuk pergi mengingati-Nya dan meninggalkan segala kegiatan berjual beli pada ketika itu.

2) Nabi S.A.W sentiasa memberikan khutbah sebelum solat Jumaat. Di mata para ulama itu adalah amalan yang berterusan yang merupakan suatu tanda bahawa perbuatan tersebut adalah wajib.

3) Nabi S.A.W berkata:

*Maksudnya: Solatlah kamu sebagaimana engkau melihat aku solat.*¹⁰¹

Di samping itu, terdapat di dalam kitab fiqh Syafi'iyah secara khususnya, di jelaskan bahawa khutbah itu bukan hanya sekadar wajib hukumnya tetapi juga menjadi syarat sahnya solat Jumaat. Hakikat inilah yang menjadi matlamat melalui konsep dan falsafah khutbah Jumaat yang berada di sebalik rukun¹⁰² dan syarat-syarat¹⁰³nya.

¹⁰¹ Muhammad b. Ismail Abu 'Abd Allah Al- Bukhari (1987), Sahih al- Bukhari, Mustafa Din al- Bugha, Beirut: Dar Ibn Kathir, Kitab al-Azan, *Bab al-Azan li al-Musafir Iza Kanu Jama'ah wa al-Iqamah*, no. hadis 605, j.1, h. 226. Muhammad b. Hibban b. Ahmad Abu Hatim al-Tamimi (1993), Sahih Ibn Hiban, Syu'ayb al- Arna'ut, Beirut: Muassasah al- Risalah, *Kitab al-Salah, Bab al-Azan*, no. hadis 1658, j. 4, h. 541.

¹⁰² Antara rukun-rukun khutbah ialah Hamdalah (Memuji Allah S.W.T dengan mengucapkan ucapan Alhamdulillah (الحمد لله), Syahadah, Selawat kepada Nabi, Memberi wasiat (Menyampaikan amanat pesanan dan berwasiat kepada ketakwaan dan mentaati Allah S.W.T pada khutbah yang pertama begitu juga pada khutbah yang kedua). Membaca ayat al-Quran dan Doa iaitu memohon doa untuk keselamatan kaum muslimin dan muslimat. Doa yang dimaksudkan itu hendaklah dibacakan pada khutbah kedua. Lihat Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (2006), *Koleksi Emas Khutbah Jumaat Masjid al- Malik Khalid*, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang: MPH Distributors Sdn. Bhd, h. 1-5.

Oleh kerana khutbah menjadi syarat, maka khutbah itu harus disampaikan sebelum pelaksanaan solat Jumaat.

2.5.1 Jenis-Jenis Khutbah Jumaat

Konsep khutbah bukan saja wujud pada zaman Islam, tetapi telah wujud pada zaman jahiliyah lagi. Ia bukan sesuatu yang baru dalam dunia ini malah ia telah digunakan sejak beberapa tahun yang lampau dan masih kekal sehingga sekarang kerana penggunaannya yang berkesan dalam menyampaikan sesuatu mesej kepada masyarakat sama ada mesej dari sudut keagamaan ataupun mesej-mesej yang lain.

Dalam sejarah Islam, terdapat beberapa jenis khutbah yang boleh dikategorikan mengikut *mauduk*¹⁰⁴, bentuk penyampaian dan suasana sesuatu majlis. Antaranya ialah khutbah *al-diniah*¹⁰⁵, jihad, wasiat, *mahafil*¹⁰⁶, *imlak*¹⁰⁷, *munadharat* dan *siasah*¹⁰⁸. Selain itu, terdapat juga beberapa jenis khutbah warisan zaman jahiliyah yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti khutbah yang bercorak bermegah-megah, meniup semangat permusuhan atau yang diucap oleh *kahin*¹⁰⁹ iaitu yang berunsur jampi mantera.¹¹⁰

¹⁰³ Syarat-syarat khutbah Jumaat. Khutbah dimulai sesudah masuknya waktu zohor. Kedua-dua khutbah tersebut haruslah disampaikan di dalam waktu Zohor, iaitu setelah masuknya waktu Zohor, dan sebelum di dirikannya dua rakaat solat Jumaat. Khatib berdiri dengan menghadap mukanya kepada para jemaah. Seterusnya, khatib mengucapkan salam, kemudian duduk, selama Mu'azzin melakukan azan. Seterusnya, hendaklah khatib berdiri ketika sedang menyampaikan khutbahnya. Kemudian, duduk di antara dua khutbah. Berdiri kembali ketika menyampaikan khutbah kedua. Lihat Abu Najmi Abdullah (t.t), *Asas Pendidikan Fardhu 'Ain*, Kuala Lumpur: Majujaya Indah Sdn. Bhd, h.93

¹⁰⁴ Maudhuk bermaksud tajuk sesuatu topik (Lihat Osman Hj Khalid (2006), *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd, h. 2652.

¹⁰⁵ Khutbah *al-diniah* adalah menyeru umat Islam melakukan amalan yang dituntut oleh Islam seperti melaksanakan amar makruf dan mencegah kemungkaran. Hakikat khutbah *al-diniah* ini adalah merangkumi semua aspek yang berhubung dengan kehidupan manusia di atas muka bumi ini. (Lihat Shalbi Abd Al-Jalil Abduh (1987): 195).

¹⁰⁶ Mahafil bermaksud tempat berkumpul atau berhimpun dalam suatu majlis keramaian. *Ibid*, h 483.

¹⁰⁷ Imlak bermaksud sesuatu yg dikatakan atau dibaca supaya ditulis oleh orang lain,

¹⁰⁸ Siasah bermaksud pengetahuan yang bersangkutan dengan hal-hal kenegaraan, Lihat Hjh Noresah Bt Baharom (2005), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1486.

¹⁰⁹ Kahin bermaksud tukang tenun nasib atau tukang tilik yang menggunakan sihir.

Para sarjana umumnya telah membuat pembahagian jenis khutbah dari pelbagai perspektif. Di antaranya ialah pendapat Aristotle yang menyatakan bahawa khutbah dibahagikan kepada tiga bahagian:

- a) Pertama, “khusus” (mengenai peristiwa).
- b) Kedua, khutbah penghargaan dan seruan (kempen) terhadap sesuatu perkara.
- c) Ketiga, khutbah mengenai sesuatu perancangan yang dilakukan.

‘Ali Mahfuz menjelaskan bahawa khutbah yang mengikut kesesuaian pada zaman ini dibahagikan kepada 7 jenis¹¹¹. Di antaranya ialah:

- a) *Al-Khitabah al-Wa’ziyya al-diniyyah* (الخطابة الوعظية الدينية) yang lebih dikenali dengan sebutan ceramah atau syarahan agama.
- b) *Al-Khitabah al-‘Ilmiyyah* () iaitu ceramah akademik yang lebih sesuai disebut sebagai ceramah kuliah dan kursus yang banyak menyentuh soal-soal akademik seperti kursus-kursus dan seminar-seminar.
- c) *Al-Khitabah al-Siasiyyah* () iaitu ceramah politik yang pada dasarnya banyak menyentuh soal-soal politik seperti kempen pilihanraya dan sebagainya.

¹¹⁰ Zulkiple Abd Ghani (2001), *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*, Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h.47.

¹¹¹ ‘Ali Mahfuz (1984), *Fan al-Khitabah wa ‘Idad al- Khatib*, Qaherah: Dar al-Nasr & Antawan al-Qawwal (1996), *Fan al-Khitabah*, Beirut Lubnan: Kitab al-Qari min Maniswarat, Dar al-Ilm Lilmalayin h. 70.

- d) *Al-Khitabah al-'Askariyyah* (الخطابة العسكرية) iaitu ucapan ketenteraan yang biasanya disampaikan oleh ketua-ketua tentera terhadap pegawai bawahannya dalam memberi arahan untuk meningkatkan prestasi atau memberi semangat perjuangan dan pengorbanan terhadap negara dan tanah air.
- e) *Al-Khitabah al-Qodhaiyyah* (), iaitu ucapan oleh para ahli perundangan seperti hakim, pendakwa atau peguam bela dalam mahkamah yang berkaitan dengan sesuatu hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah meliputi perkara-perkara jenayah, urusan keselamatan dalam negeri atau perkara-perkara yang berkaitan dengan *Ahwal al-Sakhsiyyah*. Termasuk juga khutbah *al-Sulh* (الصلح) iaitu khutbah perdamaian antara dua pihak yang bertelagah.
- f) *Al-Khitabah al-Takrim* () iaitu ucapan penghormatan yang diberikan kepada seseorang disebabkan kedatangan pertukaran atau kepulangan seseorang dari bermusafir, atau kerana menghormati dan menghargai seseorang yang hendak bermusafir dengan tujuan kebajikan. Khutbah ini juga digunakan untuk menghormati dan memelihara kedatangan rombongan tetamu.
- g) *Al-Khitabah al-Ijtima'iyah* () iaitu ucapan yang menekankan kepada hal-hal kemasyarakatan seperti membincangkan suatu

usaha kebajikan dalam sesebuah masyarakat serta galakan dan dorongan ke arah tersebut.

Nama-nama khutbah yang disebut di atas boleh disifatkan sebagai khutbah secara umum yang dikhususkan kepada bidang-bidang tertentu, dan tidak semestinya tergolong dalam khutbah Jumaat. Namun begitu, khutbah Jumaat boleh diklasifikasikan kepada jenis khutbah di atas apabila isu-isu yang diperkatakan itu berkaitan dengan bidang tersebut. Selain dari jenis-jenis khutbah yang disebut di atas, terdapat lagi beberapa jenis khutbah yang dinyatakan secara khusus seperti khutbah dua hari raya, khutbah nikah, khutbah *Istisqa'* (minta turun hujan) dan sebagainya.

2.6 KONSEP MULTIMEDIA

2.6.1 Pengenalan Multimedia

Pada peringkat awal kemunculan multimedia, kebanyakan individu yang terlibat dalam bidang komputer dan teknologi maklumat menerangkan bahawa multimedia merujuk kepada suatu set perkakasan yang membolehkan sesebuah sistem komputer menghantar data dari sebuah mesin ke sebuah mesin yang lain.¹¹²

Kebanyakan pengeluar perisian komputer pula merujuk multimedia sebagai suatu pakej perisian yang menggabungkan elemen-elemen teks dan grafik di dalam sebuah skrin dan setiap satunya berkeupayaan untuk bergerak serta diiringi kesan-kesan bunyi yang menarik. Secara idealnya sistem multimedia merujuk kepada gabungan teknologi perkakasan dan perisian yang mampu menggabungkan elemen-elemen pandang dengar

¹¹² Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2000), *Pengenalan Kepada Multimedia*, Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 2.

seperti teks, grafik, audio, video, animasi dan sebagainya bagi tujuan penyampaian sesuatu mesej yang lebih berkesan.¹¹³

2.6.2 Definisi Multimedia: Dari Tradisi Kepada Yang Terkini

Sekiranya dilihat dari perspektif bahasa, perkataan multimedia boleh dibahagikan kepada dua perkataan yang berasingan iaitu *multi* yang membawa maksud pelbagai atau lebih dari satu, manakala perkataan media pula merujuk kepada medium atau alat-alat yang digunakan sebagai saluran untuk tujuan berkomunikasi.¹¹⁴

Media juga didefinisikan sebagai “*the channel through which a message travel from the source to the receiver*”. Media merupakan satu saluran yang membawa perjalanan maklumat dari sumber kepada penerima.¹¹⁵ Oleh yang demikian, dari segi bahasa dapat dikatakan bahawa multimedia merujuk kepada penggunaan lebih dari satu medium bagi tujuan berkomunikasi atau menyampaikan maklumat. Dalam erti kata lain, penggunaan dua atau lebih media dalam proses penyampaian maklumat boleh dikatakan sebagai multimedia suatu masa dahulu. Pada tahun 1950-an, istilah multimedia digunakan secara meluas bagi menggambarkan kombinasi pelbagai media kaku dan bergerak bagi membentuk satu program pengajaran secara formal atau tidak formal.¹¹⁶ Istilah multimedia buat pertama kalinya telah digunakan pada tahun 1960-an bagi menggambarkan persembahan yang menggabungkan slaid dengan pita audio.

¹¹³ Norazlin Mohamed, Ibrahim Ahmad, et.c (2007), *Sistem Multimedia*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 4.

¹¹⁴ *Ibid*, h. 2.

¹¹⁵ S. Salahudin Suyurno, Huzaimah Hj Ismail, et.al (2007), *Islam Dan Komunikasi*, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), h. 67.

¹¹⁶ Rozinah Jamaludin (2000), *Asas-Asas Multimedia Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 3.

Setelah itu perkembangan utamanya pula bermula pada tahun 1978 dengan pelancaran cakera-video *Laservision* oleh Philips dan seterusnya sehingga kini multimedia telah menular ke pelbagai bidang terutamanya perkomputeran dan komunikasi.¹¹⁷ Multimedia dalam konteks yang bakal diterjemahkan adalah merujuk kepada integrasi yang dikawal oleh komputer bagi teks, grafik, imej bergerak atau kaku, animasi, bunyi dan lain-lain pengantara di mana setiap bentuk maklumat boleh diwakilkan, disimpan, disalurkan dan diproses secara digital.¹¹⁸

Terma atau perkataan multimedia mula digunakan sejak awal 1970-an lagi. Pada waktu itu, ejaan multi-media juga berbeza dengan ejaan sekarang iaitu multimedia. Ini memandangkan pada waktu tersebut, takrifan multi-media itu sendiri membawa pengertian yang berbeza. Dalam konteks itu, pelbagai media merujuk kepada penggunaan lebih dari satu media dalam satu persembahan walaupun media yang digunakan terpisah atau terasing di antara satu sama lain. Pada waktu itu, penggunaan multimedia amat digemari ramai dalam mempersembahkan sesuatu maklumat kerana ia dikatakan mampu meningkatkan kualiti serta keberkesanan sesuatu persembahan. Ia juga dikatakan lebih menarik serta mampu mencuri tumpuan pengguna berbanding penggunaan satu media sahaja.¹¹⁹

Oleh itu, konsep kepelbagaian media dalam multimedia ini diterima dan digunapakai sehinggalah pada pertengahan tahun 1980-an iaitu apabila teknologi komputer semakin maju dan mula mendominasi setiap aspek kehidupan manusia. Pada waktu itu, multimedia mula dikaitkan dengan persembahan menerusi penggunaan komputer yang menghubungkan jalinan lima media utama iaitu teks, grafik, audio, video dan animasi

¹¹⁷ Abu Bakar Abdul Majeed, Siti Fatimah Abdul Rahman (1999), *Multimedia dan Islam*, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn.Bhd, h. 33.

¹¹⁸ Naim Hj Ahmad & Zaheril Zainudin (2006), *Bicara Media 2*, Negeri Sembilan: Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan Kolej Universiti Islam Malaysia, h.12.

¹¹⁹ Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2005), *Multimedia Konsep Dan Praktis*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h.4-5.

dengan menggunakan komputer sebagai alat kawalan persembahan untuk membolehkan proses penyampaian secara signifikan dan menghidupkan suasana maklumat.¹²⁰

Dengan perkembangan teknologi komputer yang semakin pesat, kelima-lima media ini semakin mudah untuk dihasil, disebar dan seterusnya dipersembahkan kepada pengguna. Dalam erti kata lain, kepelbagaian media di dalam satu persembahan multimedia bukan lagi terasing atau terpisah seperti mana dahulu tetapi kini diintegrasikan bersama di dalam satu sistem menerusi teknologi komputer.¹²¹ Di samping itu, konsep multimedia berasaskan komputer ini semakin berkembang dan ianya sekali lagi menerima arus perubahan pada pertengahan tahun 1990-an. Menerusi pertengahan tahun ini, dengan ketibaan komputer peribadi yang mempunyai keupayaan mengintegrasikan audio dan video, telah menjadikan istilah multimedia digunakan dalam konteks penggunaan yang baru.

Oleh yang demikian, multimedia yang diterima oleh masyarakat umum masa kini secara amnya boleh didefinisikan sebagai suatu proses komunikasi interaktif berasaskan penggunaan teknologi komputer yang merangkumi penggunaan media audio visual seperti teks, grafik, audio, video dan animasi.¹²²

¹²⁰ Abdul Manaf Bohari, Nur Haryani Zakaria, et.al (2006), *Asas dan Teori Sistem Maklumat Kontemporari*, Selangor: Prentice Hall Pearson Sdn. Bhd, h. 47.

¹²¹ Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2005), *Multimedia Konsep Dan Praktis*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 6-7.

¹²² Tom Boyle (1997), *Design For Multimedia Learning*, Hemel Hempstead: Prentice Hall Europe, h. 121.

2.7 MULTIMEDIA DALAM DAKWAH

2.7.1 Konsep dan Tuntutan Teknologi Multimedia Dalam Dakwah

Teknologi bukanlah sesuatu yang asing dalam sejarah Islam, tetapi merupakan suatu yang berterusan, berkembang bersama kepandaian manusia bagi memudahkan kehidupan. Teknologi yang berkaitan dengan mesin senibina, ketenteraan, perkapalan, kimia, tekstil, pertanian dan komunikasi berkembang maju membantu membangunkan kecemerlangan Islam dan ummah sebelum abad ke-16M lagi. Ajaran Islam merupakan pencetus dan penggerak utama kepada kejayaan penyelidikan sains dan teknologi orang-orang Islam ketika itu.¹²³

Manusia mempunyai potensi untuk meraih ilmu dan mengembangkannya dengan izin Allah S.W.T. Terdapat banyak ayat al-Quran yang memerintah manusia mencuba berbagai cara untuk mendapatkan ilmu. Bahkan dengan teknologi terbaru manusia boleh mencapai darjah kebijaksanaan yang tinggi atau apa yang disebut sebagai hikmah.¹²⁴

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ
خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: Allah memberikan hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan yang ditentukan-Nya). Dan sesiapa yang diberikan hikmah itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang

¹²³ Abu Bakar Abdul Majeed & Siti Fatimah Abdul Rahman (1999), *Multimedia dan Islam*, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn.Bhd, h. 37.

¹²⁴ Baharom Kassim (1993), "Era IT (*Information Technology*) Beberapa Isu di Sekitarnya & Bagaimana Badan-Badan Islam Boleh Berperanan" (Kertas kerja Seminar Penggunaan Komputer anjuran PMAIUM, Kuala Lumpur, 25 & 26 September 1993), h.5.

banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal.

Surah al-Baqarah (2): 269

Berdasarkan firman ayat di atas, setiap manusia yang hidup di muka bumi ini perlulah berikhtiar mencipta sesuatu yang mendatangkan manfaat, mencari daya upaya yang baru selaras dengan akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah S.W.T, mengejar kemajuan seiring kemajuan teknologi terkini dari sehari ke sehari untuk kesejahteraan umat sejagat.¹²⁵

Jelasnya bahawa agama Islam sesekali tidak melarang umatnya untuk menceburi bidang-bidang yang akan membawa pembaharuan kepada perubahan yang jelas kebajikannya. Dalam konteks mencari dan menuntut ilmu Allah S.W.T berfirman dalam surah an-Nahl :

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا
وَجَعَلَ لَكُمْ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: “Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran) supaya kamu bersyukur”.

Surah al-Nahl (16): 78

¹²⁵ Basri Ananda (1990), *Serial Media Dakwah*, bil. 76-77, Jakarta: Islamiyah Indonesia, h. 6.

2.7.2 Kepentingan Multimedia Terhadap Islam

Berdasarkan kepada penjelasan tentang konsep multimedia, jelas menunjukkan bahawa terdapat banyak manfaatnya terhadap Islam. Antaranya ialah sebagai sumber penstoran dan penyebar maklumat sekaligus dapat mengembangkan ilmu pengetahuan. Multimedia juga dapat dijadikan sebagai sumber saluran dakwah yang boleh dianggap sebagai mekanisma jihad masa kini, alat untuk nasihat-menasihati dengan kebenaran dan kesabaran serta medan bagi *amar makruf nahi munkar*.

Di samping itu, menurut Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh¹²⁶ dalam artikelnya mentafsirkan ‘teknodaie’ sebagai golongan pendakwah yang menggunakan teknologi untuk menjalankan kerja dakwah bagi menyeru ke jalan Allah untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Menurut Dr Yusof Qardawi, beliau menyatakan bahawa para pendakwah perlulah menguasai atau sekurang-kurangnya mengetahui serba sedikit tentang perkara moden ataupun penemuan-penemuan terkini.¹²⁷ Sebenarnya kekurangan kepakaran pertubuhan-pertubuhan dakwah atau individu –individu yang melibatkan diri dalam medan dakwah dalam menggunakan multimedia sebagai salah satu saluran dakwahnya menyebabkan pihak lain yang tidak bertanggungjawab telah menggunakannya yang mengakibatkan penyebaran dakwah ketinggalan di belakang.

Justeru itu setiap anggota masyarakat Islam perlu memainkan peranan dalam menguasai teknologi multimedia, bukan sekadar pengguna biasa sahaja bahkan boleh membangunkan sistem maklumat atau perisian sendiri berasaskan acuan Islam dan yang

¹²⁶ Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kemunculan Teknodaie, <http://www.ikim.gov.my>, 12 Disember 2003.

¹²⁷ Dr Yusof al-Qardhawi (1983), *Thaqafah al-Da'iyah*, Beirut: Muassasah ar-Risalah, h.111.

pentingnya menggarap segala bentuk teknologi mengikut tasawwur Islam. Ternyata gabungan kemahiran ilmu-ilmu agama dan teknologi ini memberikan ruang dan peluang yang cukup besar kepada ahli masyarakat untuk berdakwah dengan menggunakan peralatan teknologi multimedia.¹²⁸ Bahkan jika ia disesuaikan dengan keadaan serta suasana semasa seperti yang ditekankan oleh Bienkoff di dalam bukunya *The Cultural Dimension of Modern Technology*¹²⁹:

“Kesan teknologi ke atas masyarakat bukan ditentukan oleh teknologi itu sendiri tetapi penggunaan teknologi dalam masyarakat. Atau dengan cara lain, bukannya teknologi yang menentukan kesannya ke atas masyarakat, tetapi apa yang kita lakukan terhadap teknologi.”

Kenyataan di atas menjelaskan bahawa kesan baik dan buruk sesuatu teknologi itu bergantung kepada bagaimana penggunaan manusia terhadapnya. Oleh itu, sistem multimedia ini merupakan satu rahmat kepada seluruh umat Islam. Diharapkan agar para pendakwah serta ulama tampil dahulu ke baris hadapan sebagai perintis untuk mengetahui selok belok tentang bagaimana teknologi ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya terhadap umat Islam. Meskipun sebilangan anggota masyarakat masih belum bersedia untuk menyahut cabaran globalisasi ini, namun apa yang lebih penting ialah masyarakat perlu menguasai dan mengorak langkah awal dalam mempelajari hakikat kepentingan teknologi multimedia masa kini.

¹²⁸ Ruzain Syukur Mansor (2011), *Dakwah dan Teknologi Maklumat*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 32.

¹²⁹ Dipetik dari Abdul Aziz Abdul Aziz & Fauziah Kartini Hassan Basri, Dewan Masyarakat, *Televisyen Satelit: Mengapa Resah?* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 5.

2.8 ELEMEN-ELEMEN DALAM MULTIMEDIA

Multimedia merupakan suatu sistem yang membolehkan capaian secara bebas serta interaksi berlaku di antara komputer dengan pengguna. Multimedia juga merujuk kepada suatu persembahan informasi berasaskan penggunaan komputer dengan menggunakan gabungan pelbagai media seperti teks, grafik, audio, animasi dan video yang mana setiap satunya mempunyai peranannya yang tersendiri dalam mewujudkan satu persembahan informasi yang menarik dan berkesan.¹³⁰

Antara peranan dan ciri-ciri utamanya ialah:

2.8.1 Teks Dalam Multimedia

Teks adalah merujuk kepada huruf-huruf yang tersusun bagi membentuk satu makna yang boleh difahami serta membawa pengertian yang tertentu. Teks juga merujuk kepada semua simbol, huruf, abjad, nombor, statistik dan pelbagai jenis tulisan dan fon yang menjadi asas utama bagi penyaluran maklumat pada masa dahulu dan juga pada masa sekarang.¹³¹

Dalam multimedia, teks diguna untuk menerangkan tentang arahan untuk mempersembahkan maklumat tentang sesuatu aplikasi multimedia.¹³² Teks merupakan antara media awal yang digunakan oleh manusia dalam menyampaikan sesuatu mesej dan ia juga merupakan antara media yang paling banyak digunakan sebagai saluran komunikasi manusia sejak mesin pencetak diperkenalkan.

¹³⁰ Mohd Hafiz Zakaria, Farah Nadia Azman, et.al (2007), *Sistem Multimedia*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 51.

¹³¹ Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2005), *Multimedia Konsep Dan Praktis*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 8.

¹³² Mohd Aizaini Maarof (2004), *Siri III Teknologi Maklumat Multimedia, Keselamatan Data dan Koridor Raya Multimedia (MSC)*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia, h. 1.

Selain itu, teks juga merupakan elemen yang paling asas serta luas penggunaannya di dalam pembangunan sesebuah aplikasi multimedia. Dalam satu sistem atau aplikasi multimedia, teks memainkan peranan penting dalam menyalurkan sesuatu informasi kepada pengguna dalam memberikan penekanan bagi sesuatu isi kandungan yang ingin disampaikan.

Kelebihan menggunakan teks bergantung kepada tujuan sesebuah aplikasi itu dibangunkan dan penggunaan teks akan menjadi lebih menarik kerana ia boleh dipersembahkan dalam pelbagai bentuk, saiz dan saiz serta juga boleh digabungkan dengan elemen-elemen multimedia yang lain. Kepelbagaian serta gabungan penggunaan media ini menjanjikan penyampaian maklumat yang lebih menarik, tepat dan menyeluruh.¹³³ Teks juga merupakan satu cara yang berkesan dan mempunyai jenis-jenis teks dalam multimedia antaranya ialah teks melalui cetakan, imbasan, elektronik dan hiperteks.¹³⁴

2.8.1 (a) **Saiz dan Kuantiti Teks**

Empat faktor reka bentuk teks yang perlu diambil kira ialah dari segi saiz, gaya, jarak dan perbezaan antara huruf dan latar belakang. Bagi teks yang akan digunakan sebagai tajuk atau subtajuk sesebuah aplikasi, saiz yang lebih besar sesuai digunakan.¹³⁵ Berikut merupakan garis panduan penentuan saiz tulisan yang mungkin boleh diikuti menurut pandangan Shuman J.E¹³⁶.

¹³³ Jamalludin Harun, Baharuddin Aris & Zaidatun Tasir (2005), *Pembangunan Perisian Multimedia Satu Pendekatan Sistematis*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 102.

¹³⁴ Norazlin Mohamed, Ibrahim Ahmad, et.al (2007), *Sistem Multimedia*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 30.

¹³⁵ Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2000), *Pengenalan Kepada Multimedia*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 50.

¹³⁶ Shuman, J.E. (1998), *Multimedia In Action*, California: Wadsworth Publishing Company, h. 89.

Penggunaan	Saiz teks yang dicadangkan
Tajuk Utama	14 hingga 48 point
Sub Tajuk	Separuh dari saiz tajuk utama
Isi Kandungan	10 hingga 12 point

Rajah 2.8.1: Penentuan Saiz *Point Font*

Secara umumnya, bagi paparan skrin persembahan yang berbentuk nota berinformasi, bilangan ayat yang sesuai dipaparkan pada satu skrin dalam satu masa ialah tidak melebihi 10 hingga 12 perkataan yang sederhana panjang. Sekiranya bilangan perkataan yang digunakan adalah panjang, maka bilangan perkataan yang sesuai digunakan bagi tujuan paparan ialah di antara 6 hingga 8 perkataan.¹³⁷ Jumlah teks yang dipaparkan pada setiap skrin persembahan juga perlu dikawal. Elakkan daripada memenuhi keseluruhan skrin dengan teks semata-mata. Ini adalah untuk memudahkan kepada pengguna membaca teks yang disediakan bagi mengelakkan kebosanan atau tekanan pada kognitif pengguna kerana berhadapan dengan teks dalam kuantiti yang banyak.¹³⁸ Selain itu, antara faktor-faktor lain yang perlu diberi perhatian dalam penentuan teks adalah:-

- Gunakan huruf kecil bagi teks utama. Elakkan dari menggunakan teks yang ditaipkan dengan menggunakan huruf besar untuk keseluruhannya.
- Gunakan sempadan teks yang seragam dan konsisten.
- Jangan menggunakan ayat yang panjang sekiranya ayat yang pendek mampu membawa maksud yang sama.

¹³⁷ Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2005), *Multimedia Konsep Dan Praktis*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 101.

¹³⁸ *Ibid*, h.102.

2.8.1 (b) Format dan kaedah penulisan khutbah¹³⁹.

Format ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu format tulisan rumi dan tulisan jawi.

1) Tulisan Rumi

- a) Ukuran kertas adalah A4
- b) Jenis Tulisan: Arial
- c) Saiz Tulisan: 14
- d) Jarak (*spacing*): 1.5

2) Tulisan Jawi

- a) Ukuran kertas adalah A4
- b) Jenis Tulisan: Traditional Arabic
- c) Saiz Tulisan: 23
- d) Jarak (*spacing*): *single*
- e) Muka surat: 6-7 muka surat

2.8.2 Grafik Dalam Multimedia

Grafik merupakan antara media yang paling utama dan popular digunakan bagi memperlihatkan keterampilan sesebuah aplikasi multimedia. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, grafik membawa maksud maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambarajah dan simbol.¹⁴⁰ Grafik berperanan menonjolkan keindahan atau keanggunan senibina sesebuah program multimedia tetapi juga sebagai suatu sumber penyampaian sesuatu maklumat yang amat berkesan.

¹³⁹ www.jawi.gov.my/ Garis Panduan Penulisan Khutbah 2012.

¹⁴⁰ Noresah Bt Baharom (2007), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.483.

Selain itu, grafik dalam multimedia merujuk kepada sebarang paparan visual termasuklah lukisan dan kerja-kerja seni yang dihasilkan dengan mengimbas grafik ke format berasaskan komputer atau dihasilkan terus dengan menggunakan teknologi komputer. Grafik juga boleh wujud dalam pelbagai bentuk seperti ilustrasi, lukisan, carta, gambar foto, diagram dan sebagainya.¹⁴¹

Dalam satu sistem multimedia, grafik boleh digunakan secara sendirian mahupun sebagai penyokong kepada penggunaan teks. Ini memandangkan penggunaan imej atau ilustrasi mampu menyampaikan sesuatu mesej dengan lebih mudah jika dibandingkan dengan penggunaan teks secara sendirian. Grafik juga memberikan maksud penggunaan visual untuk menerangkan konsep yang tidak dapat atau sukar diterangkan oleh teks. Ianya mampu untuk menambah daya tarikan kepada sesuatu paparan atau persembahan.¹⁴²

Di samping itu, grafik juga dapat mempercepatkan penyampaian sesuatu maklumat dan dapat memberikan tangkapan yang jelas, tepat dan konsisten antara individu yang berbeza. Menerusi penggunaan grafik, proses memberi penerangan, arahan dan sebagainya menjadi lebih mudah berbanding proses memberi penerangan secara verbal atau perkataan semata-mata. Dalam satu sistem atau persembahan multimedia juga, grafik merupakan antara elemen yang amat penting bagi memberi penekanan atau motivasi dalam suatu proses penyampaian maklumat. Ianya juga berupaya menjadikan sesuatu persembahan atau penyampaian informasi lebih menarik dan hidup.¹⁴³

¹⁴¹Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2005), *Multimedia Konsep Dan Praktis*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 9.

¹⁴²Normahdiah Sheik Said (2010), *Multimedia Integrasi Rekabentuk Berpusat Pengguna Siri 1*, Selangor: Universiti Putra Malaysia, h.56.

¹⁴³Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2000), *Macromedia Authorware Attain 5 Siri 1: Pengenalan*, Kuala Lumpur: Venton Publishing, h. 71.

2.8.3 Audio Dalam Multimedia

Pada peringkat awal perkembangan teknologi komputer, audio atau bunyi yang kedengaran pada sesebuah sistem komputer hanyalah bunyi-bunyian asas yang sering kedengaran apabila berlakunya kesilapan teknikal di dalam sesebuah sistem komputer. Pada peringkat awal kemunculan komputer, audio merupakan salah satu media yang sering digunakan bagi berinteraksi dengan pengguna. Audio merupakan medium yang boleh memainkan pelbagai peranan dalam produksi multimedia. Audio juga boleh memberi mesej amaran kepada pengguna aplikasi bagi membolehkan pengguna sedar kepada informasi kritikal. Kini, melalui perkembangan teknologi membolehkan sesebuah sistem komputer mengeluarkan bunyi muzik, suara latar, kesan bunyi khas dan juga mampu merakam dan memainkan pelbagai bentuk bunyi-bunyian.¹⁴⁴

Selain itu, penggunaan audio dalam satu sistem multimedia mampu membantu menyampaikan sesuatu maklumat dengan lebih berkesan dan juga mampu menimbulkan suasana yang lebih menarik dan akan menghasilkan tumpuan yang lebih terhadap apa yang ingin dipersembahkan. Unsur audio juga boleh diterapkan di dalam sesebuah persembahan multimedia bagi menyampaikan maklumat serta mempertingkatkan kefahaman terhadap isi kandungan dari media lain yang hendak dipersembahkan.¹⁴⁵

2.8.4 Video Dalam Multimedia

Hakikatnya video ialah elemen yang secara tidak langsung mempunyai kombinasi grafik dan audio. Dalam realiti, video terdiri daripada susunan bingkai gambar yang

¹⁴⁴ Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2000), *Pengenalan Kepada Multimedia*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 93.

¹⁴⁵ Norazlin Mohamed, Ibrahim Ahmad, et.al (2007), *Sistem Multimedia*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 117.

menghasilkan gambar bergerak dan disertakan dengan bunyi latar. Unsur video di dalam multimedia membawa satu perubahan yang besar di dalam kaedah penyaluran maklumat yang mana kebanyakan sistem video mampu membawa unsur menyerupai keadaan sebenar dan ia juga mampu menarik perhatian dan emosi pengguna.¹⁴⁶

2.8.5 Animasi Dalam Multimedia

Animasi digunakan untuk memberi gambaran pergerakan bagi sesuatu objek. Ia membolehkan sesuatu objek yang pegun atau statik dapat bergerak dan kelihatan seolah-olah hidup.¹⁴⁷ Animasi di dalam sesebuah aplikasi multimedia dapat menjanjikan sesuatu persembahan yang lebih dinamik serta menarik kerana ia memungkinkan sesuatu yang mustahil atau kompleks berlaku di dalam kehidupan sebenar.


Selain itu, animasi boleh wujud dalam pelbagai bentuk dari yang ringkas seperti animasi teks sehinggalah kepada animasi tiga dimensi yang kompleks. Menerusi penggunaan animasi, proses penerangan atau penyampaian sesuatu maklumat dapat digambarkan dengan lebih mudah dan pantas. Penggunaan animasi semakin mendapat tempat kerana ianya mampu menzahirkan sesuatu fantasi manusia ke alam realiti. Ianya juga membolehkan sesuatu yang agak mustahil untuk diterangkan dengan hanya menggunakan perkataan atau imej-imej statik disampaikan dengan lebih mudah dan berkesan melalui penggunaan teknologi animasi. Di samping itu, ia juga mampu memberi

¹⁴⁶ Tom Boyle (1997), *Design For Multimedia Learning*, Hemel Hempstead: Prentice Hall Europe, h. 178.

¹⁴⁷ Ruzain Syukur Mansor (2011), *Dakwah dan Teknologi Maklumat*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 90.

penegasan kepada sesuatu penyampaian agar apa yang disampaikan lebih terfokus terhadap isi kandungan yang ingin disampaikan.¹⁴⁸

2.9 TEORI PEMBANGUNAN MULTIMEDIA



Rajah 2.9: Kitar Hayat Pembangunan Multimedia

Berdasarkan rajah di atas kitar hayat ini terbahagi kepada lima fasa iaitu untuk memudahkan pengurusan projek membuat perubahan dalam penentuan peranan tugas, tanggungjawab, belanjawan dan jangka masa projek. Selain itu, ia akan memudahkan pengurus mengurus projek berkenaan dengan lebih efektif dan efisien dalam menentukan pekerja dan sumber keperluan projek.¹⁴⁹

a) Fasa Penakrifan

Fasa pertama ini berlaku sebelum sesuatu projek diperolehi dimana kebanyakan syarikat akan berjumpa dengan pelanggan untuk melakukan keperluan pembangunan projek yang akan dimuatkan di dalam laporan kertas cadangan projek.

¹⁴⁸ Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir (2005), *Multimedia Konsep Dan Praktis*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 11.

¹⁴⁹ Norazlin Mohamed, Ibrahim Ahmad, et.al (2007), *Sistem Multimedia*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 216.

Setelah syarikat memperolehi dan meneliti laporan kertas cadangan tersebut maka satu kontrak untuk membangunkan projek tersebut akan diberikan kepada syarikat yang berkelayakan. Fasa ini juga merupakan fasa yang penting dalam menentukan sesebuah syarikat memperolehi kontrak untuk membangunkan projek multimedia atau tidak. Selain itu, di dalam fasa ini kumpulan pembangunan projek perlu menentukan objektif, kandungan dan fungsi yang diperlukan oleh pengguna. Penentuan alatan pengarang, medium dan teknologi yang bersesuaian akan dibangunkan dengan lebih teliti.¹⁵⁰ Tidak kira apa bentuk perisian alat pengarang yang digunakan prinsip dan peraturan bagi elemen multimedia seperti grafik, fotografi, teks, warna, audio, bunyi, muzik, animasi dan video tetap sama pada asasnya. Walaupun kreativiti mengatasi semua, apa yang penting bagi sesuatu persembahan ialah memastikan persembahan itu dapat memikat hati penonton yang menonton bahan tersebut.¹⁵¹ Oleh itu, medium penyerahan produk akhir juga perlu dipertimbangkan pada peringkat ini. Setelah kesemua aspek diteliti maka satu jangka masa untuk setiap perincian tugas di dalam fasa kitar hayat dapat disediakan bagi melancarkan perjalanan projek agar lebih efektif dan efisien.

b) Fasa Perancangan

Fasa perancangan akan dilaksanakan setelah sesuatu kontrak pembangunan projek multimedia telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Rangka kerja lebih terperinci akan dibentuk bagi menentukan jangka masa tempoh sebenar pembangunan yang diperlukan berdasarkan keperluan sumber dan tenaga kerja mengikut fasa pembangunan.¹⁵²


¹⁵⁰ *Ibid*, h. 217-218.

¹⁵¹ Normahdiah Sheik Said (2010), *Multimedia Integrasi Rekabentuk Berpusat Pengguna Siri 1*, Selangor: Universiti Putra Malaysia, h. 41.

¹⁵² *Op.cit*, h. 219.

Tempoh masa yang diberikan kepada proses merancang mempengaruhi kualiti sesuatu perancangan. Perancangan juga memerlukan masa yang secukupnya untuk mengkaji dan menganalisis maklumat sebelum membuat sebarang rumusan mengenai matlamat yang ingin dicapai dan tindakan yang ingin diambil.¹⁵³

Selain itu, berdasarkan rajah 2.9 (b) proses perancangan boleh dibahagikan kepada tiga fasa yang lebih kecil.¹⁵⁴ Di antaranya ialah:



i. Pembinaan Konsep Perisian

Dalam proses ini, selalunya satu keperluan timbul ataupun idea untuk membina sebuah applikasi perisian. Projek ini sendiri adalah satu usaha untuk memenuhi satu keperluan. Kebanyakan syarikat multimedia yang bergantung kepada penghasilan produk berterusan menggunakan cara ini untuk menghasilkan produk baru.

ii) Menyatakan Tujuan

Setelah satu konsep dapat dibangunkan, matlamat dan objektif haruslah dinyatakan. Ini adalah satu langkah penting dalam melaksanakan sesuatu. Matlamat dan objektif dapat

¹⁵³ Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*, Selangor: Ummah Media Sdn. Bhd, h.21.

¹⁵⁴ Abdul Majid Mohd Gani, *Pengajaran Sistem Penerus Menggunakan Authorware*, Disertasi Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, h. 23-24.

menentukan hala tuju proses pembangunan dan boleh digunakan untuk menilai perisian tersebut apabila ianya telah dibangunkan.

iii) Mengenalpasti Kumpulan Sasaran

Maklumat tentang kumpulan sasaran perlulah diperolehi. Ini adalah penting kerana secara amnya pengguna boleh dibahagikan kepada beberapa kategori seperti faktor umur, jantina, taraf pendidikan, taraf perkahwinan dan pendapatan. Sebuah perisian multimedia yang dicipta mestilah mampu menyampaikan maklumat kepada kumpulan sasarannya.

Selain itu, di dalam proses perancangan terdapat beberapa langkah utama yang dapat disimpulkan. Menurut Stoner¹⁵⁵, di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- i. Membina dan menentukan matlamat.

Perancangan bermula dengan penetapan keputusan mengenai apa yang dikehendaki dan diperlukan oleh sesebuah organisasi. Tanpa sebarang matlamat yang jelas organisasi akan menggunakan sumber-sumbernya dengan cara yang salah.

- ii. Mengenalpasti keadaan semasa organisasi

Setelah objektif perancangan dilaksanakan organisasi perlu jelas mengenai jarak antara realiti keadaan organisasi dengan matlamat-matlamat yang dirancang dengan jelas. Perancangan juga merupakan satu proses yang memerlukan penganalisan yang teliti dengan pemikiran yang rasional dan sistematik.¹⁵⁶

¹⁵⁵ James A.F. Stoner (1982), *Management 2nd edition*, New Delhi:Prentice Hall, h. 131-1332.

¹⁵⁶ Op.cit, h. 20.

- iii. Mengenalpasti sebarang elemen yang dapat membantu atau menghalang mencapai matlamat yang telah digariskan.

Setiap elemen yang boleh membantu organisasi mencapai matlamatnya sama ada dari dalam organisasi atau dari luar organisasi hendaklah dikenalpasti. Selain itu, setiap permasalahan yang bakal dan mungkin timbul hendaklah juga diberi perhatian. Di samping itu, ramalan dan membuat analisa mengenai situasi, permasalahan dan peluang-peluang yang bakal dihadapi pada masa hadapan adalah sangat penting di dalam proses perancangan.

- iv. Membentuk perancangan dan gerak kerja untuk mencapai matlamat.

Langkah terakhir di dalam proses merancang ialah membentuk dan menggariskan pelbagai tindakan alternatif yang mampu membawa kepada pencapaian matlamat, menganalisa dan membuat pilihan serta menentukan alternatif tindakan yang paling sesuai dan efektif.

Selain itu, proses rekabentuk antaramuka atau susun atur antaramuka akan ditentukan di dalam fasa perancangan. Ini menjurus kepada proses penghasilan idea dan metafor terhadap antaramuka yang akan dibangunkan.

c) Fasa Perlaksanaan

Pada fasa ini, kesemua perancangan yang dilakukan akan dilaksanakan seperti mengambil, menyusun atau mengagihkan tenaga kerja sedia ada untuk membangunkan projek mengikut bidang kepakaran. Pada peringkat ini segala matlamat yang telah dirumuskan dalam peringkat perancangan perlu diterjemahkan ke dalam bentuk

tindakan. Fasa pelaksanaan juga akan melibatkan proses pembelian perkakasan dan perisian serta sumber lain seperti buku rujukan dan sebagainya bagi pembangunan projek multimedia.

d) Fasa Pembangunan

Fasa keempat di dalam kitar hayat ini adalah fasa pembangunan. Pembangunan bermaksud perihal membina, membentuk, memajukan sesuatu untuk mencapai kemajuan, perkembangan dan sebagainya. Secara amnya, bolehlah juga dikatakan bahawa projek merupakan suatu proses pembangunan yang unik serta memerlukan usaha serta sumber bagi mencapai dapatan yang dikehendaki dalam tempoh masa serta kos yang ditetapkan.¹⁵⁷

Pembangunan perisian multimedia merupakan satu sistem pengurusan dan prosedur di mana cara, pelaksanaan, teknologi, kepakaran dan pengalaman digabungkan bersama dalam suatu proses membangunkan sesebuah perisian. Oleh itu, kerja-kerja pengarang, pengaturcaraan, penyediaan grafik dan sebagainya dilakukan.¹⁵⁸ Pengarang membawa pengertian satu ciptaan atau hasil kreativiti minda seseorang dalam proses yang menggabungkan teks, grafik, animasi, audio dan video untuk mencipta suatu aplikasi multimedia.¹⁵⁹ Pemilihan perisian pengarang yang sesuai dalam pembangunan aplikasi multimedia adalah penting. Setelah kesemua ini dilaksanakan maka proses pengintegrasian antara media dan aturcara akan dilakukan agar fungsi yang diinginkan tercapai.

¹⁵⁷ Norazlin Mohamed, Ibrahim Ahmad, et.al (2007), *Sistem Multimedia*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 221.

¹⁵⁸ Jamalludin Harun, Baharuddin Haris & Zaidatun Tasir (2001), *Pembangunan Perisian Multimedia: Satu Pendekatan Sistematis*, Kuala Lumpur: Venton Publishing Sdn. Bhd, h. 11.

¹⁵⁹ Normahdiah Sheik Said (2010), *Multimedia Integrasi Rekabentuk Berpusat Pengguna Siri 1*, Selangor: Universiti Putra Malaysia, h. 40.

Produk akhir yang telah lulus kesemua fasa pengujian akan diimplimentasikan di persekitaran pengguna sasaran bagi menentukan sama ada produk yang dibangunkan konsisten di persekitaran sebenar. Produk tersebut akan digunakan oleh kumpulan sasaran dan satu latihan pengguna akhir akan diberikan oleh syarikat pembangun projek multimedia bagi membolehkan mereka menggunakan produk tersebut dengan betul.

e) Fasa Penilaian

Penilaian melibatkan pengumpulan maklumat bagi mendapatkan keputusan yang lebih tepat mengenai sesebuah perisian multimedia yang dibangunkan. Proses penilaian akan membentuk pengadilan mengenai kualiti sesuatu aspek yang dinilai berasaskan kepada kriteria-kriteria tertentu dan ianya merupakan pelengkap rekabentuk pembangunan dan pembinaan perisian yang berkualiti. Proses penilaian pula melibatkan aspek yang lebih luas di mana ia bukan hanya melihat kepada masalah tertentu tetapi peningkatan kepada aspek rekabentuk semasa proses pembangunan atau setelah sesebuah projek pembangunan aplikasi berakhir.¹⁶⁰

Selain itu, pada fasa ini penilaian terhadap produk atau sistem yang diimplementasikan dinilai dari segi konsistennya persekitaran pengguna dan beberapa laporan yang dikemukakan bagi menggambarkan situasi sebenar projek yang dilakukan.

¹⁶⁰ Norazlin Mohamed, Ibrahim Ahmad, et.al (2007), *Sistem Multimedia*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 223.

2.10 FAKTOR PENERIMAAN MULTIMEDIA


Majunya teknologi informasi merupakan suatu perkembangan yang memberi akses kepada perubahan hidup masyarakat. Dunia informasi menjadi salah satu wilayah yang berkembang pesat dan banyak mempengaruhi peradaban masyarakat. Penggunaan teknologi multimedia telah memberi banyak manfaat kepada orang ramai. Oleh itu, dengan penggunaan teknologi multimedia yang mengintegrasikan pelbagai media dalam menyampaikan maklumat dapat membantu mempermudah pembelajaran bagi setiap individu.

Sebagai contoh multimedia yang menggunakan aplikasi perisian *Microsoft Office Power Point* banyak membantu dan memberi manfaat kepada penerima dalam menerima saluran maklumat dengan mudah dan senang difahami. Penghasilan persembahan power point disifatkan sebagai paparan persembahan yang paling asas sebagai paparan bantuan kepada sesi pengajaran, taklimat, ceramah mahupun melalui penyampaian khutbah Jumaat. Selain itu, tayangan power point ternyata dapat mengubah paradigma audiens melalui pembacaan khutbah yang statik kepada bersifat interaktif dengan penggunaan pelbagai media.¹⁶¹ Oleh itu, penggunaan teknologi yang bersifat universal memerlukan kepada kekreatifan penggunaannya.

¹⁶¹ Ruzain Syukur Mansor (2011), *Memperkasa Program Dakwah di Masjid Melalui Teknologi Maklumat*, JAKIM, h.47.

2.10.1 Elemen-Elemen Penerimaan Multimedia

Multimedia terdiri daripada lima elemen penting.¹⁶² Elemen-elemen ini boleh mempengaruhi sesuatu kerja yang dihasilkan. Di antaranya adalah seperti yang tertera pada gambarajah di bawah:



Oleh itu, di antara faktor-faktor penerimaan khalayak di dalam penyampaian khutbah Jumaat multimedia berasaskan kepada dua elemen iaitu melalui penggunaan teks dan grafik.¹⁶³

¹⁶² Mohd Hafiz Zakaria, Farah Nadia Azman, et.al (2007), *Sistem Multimedia*, Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd, h. 51.

¹⁶³ Dua elemen multimedia sahaja yang di aplikasikan oleh pihak JAWI dalam pengaplikasian khutbah Jumaat multimedia, Lihat www.jawi.gov.my/ Ustaz Mohd Hilme Umar, Penolong Pengarah Cawangan Khutbah dan Latihan, Bahagian Pengurusan Kariah JAWI. Temubual pada 27 April 2010.

a) Berasaskan Teks

Faktor tarikan pertama adalah melalui kaedah penulisan teks pada paparan slaid yang disediakan dengan menggunakan perisian *Microsoft Office Power Point* yang mana penggunaanya dapat memberi penekanan kepada sesuatu isi kandungan yang ingin disampaikan. Pelbagai jenis dan saiz tulisan yang digunakan adalah bersesuaian dan isi-isi penting kandungan teks khutbah di susun atur dalam bentuk gambar rajah dan carta minda.¹⁶⁴ Tujuan kaedah ini adalah untuk memudahkan kepada khalayak dalam menarik minat untuk memahami mesej persembahan yang disampaikan.¹⁶⁵

b) Berasaskan Grafik

Grafik merupakan elemen pelengkap bagi latar belakang dan tekstur pada setiap slaid khutbah dengan pelbagai corak warna-warni yang bersesuaian yang mana ia dapat membantu dalam menerangkan sesuatu maklumat dan persembahan agar tampak lebih menarik dan berkesan.¹⁶⁶ Grafik juga menjadi pelengkap terhadap maksud yang ingin disampaikan melalui paparan.

2.11 KESIMPULAN

Keberkesanan khutbah Jumaat bukan sekadar tertakluk kepada hukum-hukum syarak yang telah ditentukan oleh ulama-ulama terdahulu, malah panduan-panduan semasa juga boleh diambil kira ke arah peningkatannya seperti ilmu psikologi, komunikasi, pengurusan pentadbiran, kewangan dan sebagainya.

¹⁶⁴ Ustaz Mohd Hilme Umar, Penolong Pengarah Cawangan Khutbah dan Latihan, Bahagian Pengurusan Kariah JAWI. Temubual pada 27 April 2010.

¹⁶⁵ Ruzain Syukur Mansor (2011), *Dakwah dan Teknologi Maklumat*, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h. 63.

¹⁶⁶ Md Azani Sham (2008), *Pengenalan Kepada Teknologi Multimedia*, Kuala Lumpur: Venton Publishing Sdn. Bhd, h. 17.

Justeru, dengan adanya pengetahuan teknologi multimedia ia akan melengkapkan seseorang individu sebagai masyarakat bermaklumat (*information society*) sekaligus masyarakat berilmu (*knowledge society*) atau masyarakat madani (*civil society*). Pendedahan terhadap teknologi maklumat membolehkan seseorang memperoleh dan menilai maklumat, menginterpretasi dan berkomunikasi dengan maklumat yang sedia ada dan menggunakan konsep untuk memproses maklumat.